

[THE CONCEPT OF PREPOSING AND POSTPOSING IN SURAH AL-MULK ACCORDING TO FADIL SALIH AL-SAMIRRA'I]

KONSEP PENDEPANAN DAN PENGAKHIRAN DALAM SURAH AL-MULK MENURUT FADIL SALIH AL-SAMIRRA'I

Muhammad Anas Alias

anas_alias@yahoo.com (Corresponding Author)

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Md Nor Abdullah

monab@ukm.edu.my

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak

I'jaz al-Qur'an merupakan keajaiban berterusan yang dapat disaksikan kebenarannya sepanjang zaman. Ia dapat diketahui berdasarkan tahap pemikiran seseorang terhadap aspek-aspek tertentu. *I'jaz al-Qur'an* merangkumi beberapa aspek iaitu aspek sains, bahasa, pensyariaan, bilangan dan psikologi (Norazamudin, 2012). Aspek paling agung dalam *i'jaz al-Qur'an* ialah aspek bahasa (*i'jaz Bayani*) yang meliputi pelbagai dimensi ilmu linguistik. Antara dimensi menjadi perhatian sarjana Balaghah dalam menyingkap rahsia kehebatan bahasa al-Qur'an adalah dimensi gaya bahasa. Dalam tulisan ini, pengkaji cuba mencungkil salah satu gaya bahasa yang terdapat dalam surah al-Mulk. Gaya bahasa Pendepanan (التقديم) dan Pengakhiran (التأخير) menjadi pilihan pengkaji kerana ia mempunyai peranan penting dalam menentukan ketepatan makna terhadap kontekstual teks. Berdasarkan pemerhatian kajian literatur lepas, pengkaji belum menjumpai kajian gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran dalam Surah al-Mulk yang menggunakan pendekatan analisis tematik berdasarkan konsep digarap oleh Fadil Salih al-Samirra'i dalam karyanya *al-Ta'bir al-Qur'ani*. Oleh yang demikian, pengkaji cuba menganalisis gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran dalam Surah al-Mulk menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah tersebut berpandukan pengklasifikasian yang dibuat oleh Fadil Salih al-Samirra'i. Hasil kajian mendapati dalam kategori pendepanan melibatkan agen fleksi ('amil), sebanyak lima ayat gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran yang mewakili aspek pendepanan kasus *genitif jar*. Terdapat satu ayat dalam kategori ini yang mengandungi dua aspek pendepanan kasus *genitif jar* dan aspek kedudukan. Manakala kategori pendepanan tanpa agen fleksi ('amil), terdapat empat ayat mewakili aspek kedudukan termasuk dua ayat mempunyai aspek tambahan *istifham tawbikhi*. Hal ini menunjukkan kepentingan peranan gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran sangat kritikal bagi menggapai makna tepat kepada sasaran konteks.

Kata kunci: balaghah, retorik, bahasa Arab, gaya bahasa, pendepanan, pengakhiran, Surah al-Mulk, Fadil Salih al-Samirra'i

Abstract

I'jaz al-Qur'an is a continuous miracle whose truth can be witnessed throughout the ages. It can be known based on one's level of thinking on certain aspects. *I'jaz al-Qur'an* covers several aspects namely as an aspects of science, language, legislation, numbers, and psychology (Norazamudin, 2012). The greatest aspect in *i'jaz al-Qur'an* is the aspect of language (*i'jaz Bayani*) which covers various dimension of linguistics. One of dimension that grabbed Balaghah scholar's attention in

revealing the secret of the greatness's language of the Qur'an is the dimension of language style. In this paper, the researcher tries to reveal one of the language styles found in Surah al-Mulk. The styles of preposing (التقديم) and postposing (التأخير) have been chosen as played an important role in determining the accuracy meaning of the context in text. Based on the observation of previous literature review, a study of the language style of preposing and postposing in Surah al-Mulk which uses a thematic analysis approach based on the concept worked on by Fadil Salih al-Samirra'i in his book *al-Ta'bir al-Qur'ani* has not been found by researcher. Therefore, the researcher tries to analyze the style of preposing and postposing in Surah al-Mulk using the thematic analysis method. The method is based on the classification made by Fadil Salih al-Samirra'i. The results of the study found that in the category of preposing involving flexi agent (*amil*), there are five verses of preposing and postposing style that represents the aspect of the genitive jar. There is one verse in this category that contains two aspects of genitive jar and an aspect of position. While the category of preposing without a flexi agent (*amil*), there are four verses representing the positional aspect including two additional verses aspect of *Istifham Taubikhi*. This shows that importance of the role preposing and postposing style is very critical to obtain exact meaning to the particular context.

Keyword: *balaghah, rethoric, Arabic, language style, preposing, postposing, Surah al-Mulk, Fadil Salih al-Samirra'i*

Article Received:
2 October 2021

Article Reviewed:
22 November 2021

Article Published:
27 December 2021

PENGENALAN

Gaya bahasa adalah medium yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Gaya bahasa adalah suatu istilah pengaplikasian untuk mengekspresi teknik pengayaan bahasa yang mana ia dianggap sebagai alat untuk menulis (Aziah & Mohd Fazli, 2016). Penggunaan istilah ini juga menunjukkan gaya bahasa mempunyai hubungan dengan ilmu gaya dalam bidang linguistik (Ahmad Kamal, 2019). Oleh itu gaya bahasa adalah alat yang penting bagi menyalurkan maklumat yang tepat. Dengan kepentingannya itu, seharusnya setiap gaya bahasa mempunyai lengkok dan maksud yang tersendiri bagi memenuhi hasrat pengguna.

Sesebuah teks yang mempunyai kualiti wacana ialah teks yang mempunyai elemen komunikatif dan mesra pengguna (*user oriented*) (Mohd Azidan, 2011). Ayat-ayat di dalam al-Qur'an meraikan situasi konteks bagi menyalurkan maklumat-maklumat sampai tepat kepada pembaca. Oleh sebab itu pelbagai gaya bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an digunakan untuk berinteraksi dengan pembaca mahupun pendengar. Maka, selayaknya al-Qur'an mempunyai kriteria wacana kerana ketepatan teks dan konteks yang digunakan pada situasi yang diperlukan.

al-Qur'an juga tidak terkecuali menjadikan gaya bahasa sebagai medium untuk menyampaikan segala informasi terdapat dalamnya kepada manusia terutama umat Islam. Peranan pelbagai gaya bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an membuktikan kehebatan al-Qur'an dari sudut kepakaran bahasa. Kewujudan pelbagai gaya bahasa dalam al-Qur'an menghasilkan makna bervariasi yang ditujukan spesifik kepada sasaran tertentu dengan tepat.

Oleh sebab itu, ramai para sarjana bahasa menjalankan kajian tafsir al-Qur'an melalui aspek gaya bahasa untuk menimbulkan kehebatan al-Quran. Tambahan lagi, perkara ini turut menyumbang kepada perluasan ilmu bagi semua masyarakat Islam terutama kepada orang bukan Arab (Nur Shahirah & Md Nor, 2019).

Gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran merupakan salah satu elemen penting bagi membuktikan kemukjizatan al-Quran. Hal ini kerana ia mempunyai pelbagai bentuk yang menghasilkan variasi makna bagi memenuhi tuntutan keperluan konteks.

Variasi makna terhasil disebabkan perkataan mempunyai kedudukannya tersendiri namun dalam keadaan tertentu ia boleh berubah (Norazamudin, 2012).

Ia merupakan salah satu gaya bahasa Balaghah yang berperanan merealisasikan kefasihan kalam. Penggunaannya meluas dalam kalangan ulama antara lainnya kerana peranannya mampu menyentuh hati pendengar menimbulkan keseronokan (al-Zarkashi, t.th.). 'Abd al-Qahir al-Jurjani (1984) dalam karya *Dala'il al-I'jaz* memperihalkan gagasan gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran iaitu satu sistem binaan ayat yang mempunyai pelbagai kelebihan dan kebaikan, fungsi yang luas serta mempunyai matlamat yang jauh dalam menyampaikan kehalusan makna. Selain itu, gaya bahasa ini mempunyai peranan penting dalam memberikan kekuatan dan gambaran terhadap bahasa Arab.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran yang terdapat dalam Surah al-Mulk. Ia juga bertujuan mengemukakan konsep gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran yang diutarakan oleh Fadil Salih al-Samirra'i dalam karyanya *al-Ta'bir al-Qur'ani*. Seterusnya menganalisis gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran dalam Surah al-Mulk melalui konsep tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif yang dihuraikan secara deskriptif. Pendekatan digunakan untuk menganalisa data ialah pendekatan analisa tematik. Teks Surah al-Mulk akan dianalisis dan dicerakinkan mengikut tema-tema tertentu berdasarkan konsep digarap Fadil Salih al-Samirra'i.

KONSEP PENDEPANAN DAN PENGAKHIRAN MENURUT AL-SAMIRRA'I

Fadil Salih al-Samirra'i (2006) membincangkan gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran melalui rangkuman beliau dalam karya *al-Ta'bir al-Qur'ani*. Beliau mengklasifikasikan gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran kepada dua kategori.

Kategori pertama adalah pendepanan yang melibatkan agen fleksi (*'amil*) seperti prediket mendahului subjek, hal mendahului kata kerja, objek mendahului kata kerja dan sebagainya. Kebiasaannya kedudukan sesuatu perkataan didahulukan berlaku untuk memberi makna pengkhususan terhadap perkara yang disampaikan. Contohnya dalam Surah al-Fatihah ayat 5 Allah SWT berfirman, *إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ*. Ayat ini meletakkan objek dahulu sebelum kata kerja. Dalam kaedah tatabahasa Arab, kedudukan asal objek adalah selepas kata kerja, namun ia diletakkan dihadapan dalam surah ini bagi memberikan makna pengkhususan. Iaitu hanya kepada Allah sahaja disembah dan tempat memohon pertolongan. Dalam masa yang sama ia turut menafikan makhluk lain yang mampu memberi pertolongan atau berhak disembah (al-Samirra'i, 2006).

Walau bagaimana pun terdapat makna spesifik selain dari pengkhususan seperti, pujian, penghinaan, keagungan dan lain-lain. Sebagaimana contoh dalam Surah al-An'am 6:84 *وَوَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ كُلًّا هَدَيْنَا وَنُوحًا هَدَيْنَا مِن قَبْلُ*, didahulukan objek iaitu Nabi Nuh AS bukan membawa makna pengkhususan hanya Nabi Nuh AS seorang yang diberikan petunjuk, namun memberikan makna pujian ke atas baginda (al-Samirra'i 2006).

Selain itu, faktor-faktor khusus dibincangkan al-Samirra'i (2006) dalam kategori kedua iaitu pendepanan tanpa penglibatan agen fleksi. Contohnya mendahului sesuatu perkataan dengan perkataan lain. Namun terdapat juga perkataan sama tetapi di

dalam ayat berbeza. Keadaan kedudukannya boleh berubah-ubah mengikut keperluan konteks. Di dalam al-Quran, sesuatu perkataan kadangkala ia berada di hadapan ayat namun pada tempat yang lain ia berada di akhir ayat. Sebagai contoh perkataan الأرض dan السماء, di setengah tempat السماء diawalkan pada permulaan ayat dan الأرض diakhirkan. Manakala pada ayat yang lain kedudukan kedua-dua perkataan tersebut adalah sebaliknya.

al-Samirra'i (2006) mencerakinkan makna-makna tersebut kepada enam kategori,

- a. Kewujudan secara berperingkat .
- b. Keistimewaan dan kemuliaan.
- c. Kedudukan darjat.
- d. Bilangan daripada banyak hingga sedikit.
- e. Bilangan daripada sedikit hingga banyak.
- f. Hubungan koheren dalam konteks.

Pembahagian dibuat oleh al-Samirra'i ini merupakan pencerakinkan daripada konsep yang digarap oleh 'Abd al-Qahir al-Jurjani. Dalam karya *Dala'il I'jaz*, al-Jurjani membahagikan gaya bahasa *al-taqdim* dan *al-ta'khir* kepada dua kategori. Pertama, pendepanan dilakukan tanpa perubahan terhadap hukum kaedah tatabahasa padanya. Kedua, pendepanan beserta perubahan hukum tatabahasa yang terdapat pada kalam tersebut (al-Jurjani, 2000).

Konsep yang diketengahkan oleh 'Abd al-Qahir al-Jurjani dipersetujui oleh Mahmud Shaykhun dalam bahagian terakhir karyanya *Asrar al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Lughat al-Qur'an*. Shaykhun (t.th.) memberi apresiasi kepada al-Jurjani dalam mengembangkan konsep gaya bahasa *al-taqdim* dan *al-ta'khir* kepada dimensi baharu. Beliau pencetus kepada perkembangan cabang-cabang konsep gaya bahasa *al-taqdim* dan *al-ta'khir* sekaligus melahirkan keistimewaan penggunaannya yang pelbagai (Nurdianto 2017; Ghannam 1993).

Selain al-Samirra'i, karya *Dala'il I'jaz* turut dirujuk oleh para ulama Balaghah lain kerana sumbannya dalam membuka dimensi baru perkembangan ilmu Balaghah termasuk gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran. Mereka mengolah konsep *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* al-Jurjani mengikut kepakaran serta tujuan dalam karya masing-masing.

DAPATAN KAJIAN

Kategori Pertama: Pendepanan Melibatkan Agen Fleksi(*Amil*)

- a. Aspek pendepanan kasus genitif *jar*
 - i. Ayat 1

تَبَرَّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya:

Maha Berkah (serta Maha Tinggiilah kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu (Abdullah, 2013).

Partikel genitif *jar* بِيدِهِ didahului sebelum penyandar (*musnad ilayh*) الْمَلِكُ disini memberikan makna pengkhususan khas kepada Allah SWT (al-Musiri, 2005). Pengkhususan disini memfokuskan bahawa hanya Allah SWT sahaja milik mutlak terhadap segala apa yang wujud (al-Zamakhshari, 2009). Perkataan بِيدِهِ merupakan kiasan terhadap kekuasaan Allah SWT Ayat ini juga menjelaskan bahawa dengan kekuatan dan kekuasaan Allah SWT sahaja yang layak memiliki kerajaan abadi. Tiada pemerintah yang kekal abadi melainkan Allah SWT. Segala makhluk selain Allah SWT tiada yang kekal kekuasaan dan kekuatan mereka disebabkan mereka mempunyai tempoh tertentu untuk hidup (al-Sha'rawi, 1991).

Manakala partikel genitif *jar* عَلَى didepankan memberikan makna umum iaitu seluruh kuasa yang mempunyai kemampuan terhadap semua perkara. Kemudian mengkhususkan kuasa tersebut hanya pada Allah SWT dan menafikan selain dari Allah SWT tidak mempunyai kuasa terhadap seluruh benda di alam cakerawala (Qasim, 2015). Allah SWT mempunyai autoriti penuh terhadap makhluk-makhluk untuk melakukan perkara yang dikehendakinya. Oleh itu, tiada sesiapa berhak membantah atau menyokong apa yang dilakukan olehNya (Ibn Kathir, 1999).

ii. Ayat 6

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

Maksudnya:

Dan bagi orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka, disediakan azab neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (Abdullah, 2013).

Didahului partikel genitif *jar* وَالَّذِينَ كَفَرُوا membawa amaran kepada penyandar (*musnad ilayh*) كَفَرُوا. Apa yang dimaksudkan dengan وَالَّذِينَ كَفَرُوا adalah mereka yang kufur kepada Allah SWT termasuk syaitan dan selainnya. Dikhususkan mereka bakal mengalami kegelisahan disebabkan kekufuran mereka melalui pesandar (*musnad*) عَذَابُ جَهَنَّمَ iaitu hukuman azab Neraka Jahanam (al-Musiri, 2005). Lafaz عَذَابُ جَهَنَّمَ dijelaskan melalui *atf* dalam ayat 5 sebelumnya. Ayat 5 menggambarkan makna عَذَابُ جَهَنَّمَ adalah عَذَابُ السَّعِيرِ iaitu azab neraka menjulang-julang (al-Zamakhshari, 2009).

Allah SWT memperincikan seksaan عَذَابُ جَهَنَّمَ dengan beberapa gambaran (al-Razi, 1981),

1. Apabila mereka dicampakkan ke dalam neraka, mereka mendengar suara jeritan meraung-raung (Surah al-Mulk 67:7).
2. Api neraka yang menggelegak hingga terpancut-pancut (Surah al-Mulk 67:7).
3. Neraka seolah-olah hampir pecah kerana kemarahan kepada mereka (Surah al-Mulk 67:8).
4. Mereka dikeji dengan soalan hina (Surah al-Mulk 67:8).

Kegelisahan mereka juga kerana seksaan bermula sebelum bersentuhan dengan api lagi. Permulaan azab dalam Neraka Jahanam adalah hembusan udara dari letusan api yang terpaksa dihidu oleh mereka. Demikianlah azab Allah SWT sediakan kepada mereka yang kufur kepada perintah Allah SWT (al-Sha'rawi, 1991).

iii. Ayat 12

إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang takut (melanggar hukum) Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar (Abdullah, 2013).

Allah SWT menyifatkan orang yang takut kepadaNya walaupun mereka tidak dapat melihatNya namun mereka sanggup menjaga diri mereka daripada terjerumus ke lembah maksiat. Mereka ini akan diberikan ganjaran pahala yang besar (Salahuddin, 2009).

Ayat ini difokuskan kepada orang yang takut kepada Allah SWT walaupun tidak dilihat orang lain dan tidak melihat azab Allah SWT. Fokus ini dapat dibuktikan melalui pendepanan partikel genitif *jar* هُمْ.

Penyusunan gaya pendepanan dalam ayat ini dapat diperhatikan bermula pendepanan partikel genitif *jar* هُمْ menghususkan kepada mereka yang takut kepada Allah SWT. Disusuli ganjaran kepada mereka dengan mendahului pengampunan dosa. Diakhiri dengan hadiah berupa pahala yang besar bagi mereka.

Pendepanan pengampunan dahulu kerana penghapusan dosa perlu diutamakan. Setelah pengampunan dosa, terdapat ganjaran istimewa menanti bagi sesiapa yang mendapat keampunan (al-Musiri, 2005).

Kedua-dua sifat iaitu takut kepada Allah SWT walaupun tidak dapat melihatNya dan takut kepada Allah SWT ketika tidak dilihat manusia lain merupakan kriteria untuk mendapat ganjaran pengampunan dan ganjaran pahala yang besar (Qutb, 2000).

iv. Ayat 24

قُلْ هُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

Maksudnya:

Katakanlah lagi, "Dia lah yang mengembangkan kamu di bumi, dan kepadaNya lah kamu akan dihimpunkan" (Abdullah, 2013).

Pendepanan partikel genitif *jar* إِلَيْهِ mempunyai hubungan dengan perkataan تُحْشَرُونَ selepasnya. Fokus diberikan kepada partikel genitif *jar* terlebih dahulu bagi memberikan gambaran khusus bahawa hanya kepada Allah SWT sahaja tempat akan dihimpunkan semua manusia di muka bumi ini (al-Musiri, 2005).

Allah SWT berkuasa menghimpunkan manusia sepertimana dikehendakiNya dan manusia tidak diberikan pilihan sama ada mahu dikembalikan kepada Allah SWT atau tidak, kerana Allah SWT telah merampas pilihan tersebut daripada mereka. Maka pilihan yang ada pada manusia adalah terpaksa berkumpul pada hari kebangkitan di hadapan Allah SWT (al-Sha'rawi, 1991).

Terdapat dua situasi dalam ayat ini. Pertama, situasi perkembangan kehidupan manusia yang sejahtera. Kedua, situasi manusia dikembalikan kepada Allah SWT. Allah SWT menggabungkan kedua-dua situasi menjadi peringatan kepada manusia yang berteraburan di muka bumi bahawa mereka sedang menuju kepada satu matlamat kembali kepada Allah SWT (Qutb, 2000).

v. Ayat 27

فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً سَيِّئَتْ وُجُوهُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَقِيلَ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تَدْعُونَ

Maksudnya:

Kemudian apabila (datang kiamat dan) mereka melihat (azab) yang dijanjikan itu secara dekat, muramlah muka orang-orang yang kafir itu, serta dikatakan (kepada mereka), “Inilah dia yang dahulu kamu kerap kali minta disegerakan kedatangannya” (Abdullah, 2013).

Elemen yang didepankan dalam ayat ini merupakan partikel genitif *jar* بِهٖ yang mendahului perkataan تَدْعُونَ. partikel genitif *jar* بِهٖ merujuk kepada azab yang selalu di pinta mereka untuk disegerakan. Ia didepankannya supaya mereka memperhatikan apa yang mereka pinta dahulu tiba. Sifat mereka ini termaktub dalam Surah Yunus 10:48, Surah al-Anbiya’ 21:38, Surah al-Naml 27:71, Surah al-Sajdah 32:28 dan Surah Saba’ 34:29 (al-Musiri, 2005). Malah pendepanan ini juga adalah untuk mencela serta menghina mereka kerana mendustakan hari kebangkitan atau juga kerana sifat terburu-buru mereka minta mempercepatkan azab Allah SWT (al-Sha’rawi, 1991).

Kategori Kedua: Pendepanan Tanpa Agen Fleksi (Amil)

Aspek Pendepanan Kedudukan

a. Ayat 10

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ

Maksudnya:

Dan mereka berkata, “Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka” (Abdullah, 2013).

Kata نَسْمَعُ didahului terlebih dahulu kerana نَعْقِلُ adalah satu elemen penting dan mulia kepada manusia. Kategori pendepanan dan pengakhiran disini ialah sebagai perantara menuju matlamat. Pendengaran merupakan destinasi pertama untuk sampai matlamatnya iaitu akal (al-Musiri, 2005). Kedua-dua pendengaran dan akal memainkan peranan sebagai alat memahami sesuatu. Melalui pendengaran, akal mendapat maklumat dan membezakan sesuatu perkara benar atau salah (al-Sha’rawi, 1991; al-Zamakhshari, 2009).

ii. Ayat 13

وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

Maksudnya:

Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, (sama sahaja keadaannya kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada (Abdullah, 2013).

Panggilan makhluk antara makhluk tidak sama dengan panggilan makhluk dengan pencipta makhluk. Panggilan sesama makhluk perlu memperkuat suara supaya didengari. Namun bagi panggilan (doa) makhluk dengan pencipta makhluk, sama ada suara kuat atau perlahan adalah sama (al-Sha'rawi, 1991).

Perkataan perlahan didepankan dahulu bagi menunjukkan seruan untuk mendedahkan amaran, sama ada dalam keadaan perlahan atau kuat. Kedudukan perlahan mendahului kedudukan nyaring kerana sesuatu yang nyaring akan bermula dengan perlahan terlebih dahulu. Selain itu, perkataan سر simbolik kepada pengetahuan yang terdapat pada seseorang. Bagaimana mungkin seseorang hendak rahsiakan sesuatu sedangkan dia tidak mengetahui apa-apa. Oleh sebab itu, sebelum merahsiakan sesuatu perkara dia perlu mempunyai pengetahuan terhadap perkara tersebut. Sebagaimana firman Allah SWT Surah Taha 20:7, وَإِنْ تَجَهَّرَ بِالْقَوْلِ فَإِنَّهُ يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى (al-Musiri, 2005).

iii. Ayat 16 & 17

ءَأَمِنْتُمْ مَّن فِي السَّمَاءِ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمُ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ (16) أَمْ أَمِنْتُمْ مَّن فِي السَّمَاءِ أَنْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ (17)

Maksudnya:

Patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Tuhan yang pusat pemerintahan Nya di langit itu: menunggang-balikkan bumi menimbus kamu, lalu bergegarlah bumi itu dengan serta-merta (melenyapkan kamu di bawahnya). Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahannya di langit itu: menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaranKu? (Abdullah, 2013).

Kedua-dua ayat di atas didepankan kata kerja selepas kata tanya أ. Kedudukan kata kerja selepas kata tanya hamzah menunjukkan fokus kedua-dua ayat ini kepada perbuatan yang merasa aman (tidak takut) kepada Allah SWT. Pendepanan aspek ayat tanya ini menzahirkan maksud bahawa Allah SWT mencela kepada sesiapa yang bersenang lenang dalam keadaan tidak takut kepadanya. Allah SWT mencela mereka dengan memberi ancaman bumi diterbalikkan disusuli ancaman angin ribut. Ancaman di bumi didahulukan kerana ia lebih dekat dengan manusia dan lebih pasti terkena kepada manusia berbanding angin dari langit kerana kadang-kadang terlindung melalui gua atau tempat persembunyian (al-Musiri, 2005).

Namun meskipun telah terselamat pada suatu tempat, jika Allah kehendaki dimana-mana sekalipun tetap akan terkena bala Allah SWT sebagaimana dalam Surah al-Isra' 17:68 (al-Sha'rawi, 1991),

أَفَأَمِنْتُمْ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ جَانِبَ الْبَرِّ أَوْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ثُمَّ لَا تَجِدُوا لَكُمْ وَكِيلاً

Maksudnya:

Adakah kamu - (sesudah diselamatkan ke darat) - merasa aman (dan tidak memikirkan), bahawa Allah akan menggempakan sebahagian dari daratan itu menimbus kamu, atau dia akan menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; kemudian kamu tidak beroleh sesiapaupun yang menjadi pelindung kamu? (Abdullah, 2013).

KESIMPULAN

Selain kelebihan-kelebihan amalan bacaan Surah al-Mulk sebagaimana diketahui umum, surah ini juga mempunyai rahsia struktural tertentu yang menghasilkan makna-makna tepat dikehendaki Allah SWT. Rahsia struktural yang ditonjolkan dalam tulisan ini ialah gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran.

Dapat dirumuskan bahawa gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran dalam Surah al-Mulk wujud dalam dua kategori yang digariskan oleh al-Samirra'i. Sebanyak lima ayat dikenalpasti iaitu ayat 1, 6, 12, 24 dan 27 berada dalam kategori pendepanan melibatkan agen fleksi. Manakala bagi kategori pendepanan tanpa agen fleksi sebanyak empat ayat iaitu ayat 10, 13, 16 dan 17.

Didapati kategori pertama didominasi aspek pendepanan kata tugas huruf jar yang memberikan makna pengkhususan dalam semua ayat kategori itu. Walau bagaimanapun bagi ayat 12 terdapat penambahan dari aspek pendepanan kedudukan.

Manakala bagi kategori kedua pula didominasi aspek kedudukan darjat iaitu ayat 10, 13, 16 dan 17. Namun ayat 16 dan 17 mempunyai tambahan dari sudut pendepanan *istifham tawbikhi*.

Dengan pencerakinan yang dilakukan dalam tulisan ini, gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran memainkan peranan penting bagi memberikan makna terhadap sesuatu konteks sekaligus membuktikan kehebatan Surah al-Mulk dari aspek struktural ayat. Bahkan, penggunaan gaya bahasa ini juga turut memberikan sumbangan dalam pembuktian kemukjizatan terhadap surah-surah lain di dalam al-Qur'an.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim*.
Abdullah Muhammad Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Seri Kembangan: Darul Fikir.
- Ahmad Kamal Embong. (2019). *Analisis Gaya Bahasa al-Ijaz dan al-Itnab dalam Surah al-Kahf*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziah Tajudin & Mohd Fazli Tajuid. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ghannam, Muhammad Fawwaz Arsan. (1993). *Uslub al-Taqdim wa Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim 'ala Ra'y 'Abd al-Qahir al-Jurjani*. 'Amman: Jami'ah Urduniyyah.
- al-Jurjani, 'Abd al-Qahir. (2000). *Dala'il al-I'jaz*. Dar al-Salam: Maktabah al-Usrah.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2011). *Analisis Wacana Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Musiri, Munir Mahmud. (2005). *Dalalat al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim Dirasat Tahliyyah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Norazamudin Umar. (2012). *Analisis Struktur Ayat dalam Surah Maryam: Satu Kajian I'jaz al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Nur Shahirah Zolkanain & Md Nor Abdullah. (2019). Estetik Taqdim dan Ta'khir dalam Surah al-Baqarah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 2(3), 85-92.
- Nurdianto, Talqis. (2017). Mafhum al-Taqdim wa al-Ta'khir bayn 'Abd al-Qahir al-Jurjani wa al-Sakkakiy. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. 19
- Qasim, Riyad Mahmud Jabir. (2015). al-Zawahir al-Balaghiyyah fi Surah al-Mulk Dirasat Tafsiriyyah Tahliliyyah. *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah li al-Dirasat al-Islamiyyah*. 23(1), 177-220.
- Qutb, Sayyid Ibrahim Husayn. (2000). *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Terj. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. (2009), *Tafsir Mubin: Juzuk 26-30*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Samirra'i, Fadil Salih. (2006). *al-Ta'bir al-Qur'ani*. Oman: Dar al-Ammar.
- al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. (1991). al-Sha'rawi. al-Qahirah: Dar al-Akhbar al-Yawm.
- Shaykhun, Mahmud. (t.th.). *Asrar al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Lughah al-Quran*. al-Qahirah: Dar-Hidayah.
- al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud. (2009). *Tafsir al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Zarkashi, Badruddin. (t.th.). *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. al-Qahirah: Maktabah Dar al-Turath.